



PELAN TINDAKAN UNTUK MEMATUHI KEPERLUAN myGAP.AM



NOMBOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
1		Kebolehesanan		
1.1	WAJIB UTAMA	Hasil tuaian hendaklah boleh dikesan dari ladang mana ianya dihasilkan	Baru: Pastikan pengusaha telah memohon myGAP Pembaharuan: Pastikan nombor pensijilan pada botol hasil	Dokumen: - No. Sijil pada pembungkus / bakul / bekas / kotak / plastik/botol Ladang: - Bahan pembungkusan - Tempat penyimpanan / pengumpulan hasil/botol
2		Penyimpanan rekod dan audit		
2.1		Penyimpanan rekod		
2.1.1	WAJIB UTAMA	Pengusaha hendaklah menyimpan rekod dengan memasukkan semua elemen-elemen penting dan diselenggara sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh audit atau dari tarikh pendaftaran dan disimpan untuk sekurang-kurangnya dua tahun atau mengikut keperluan undang-undang.	1. Pastikan rekod ladang dikemaskini dan disahkan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tarikh pemeriksaan atau tarikh pendaftaran. 2. Pastikan rekod ladang dikemaskini dan disimpan sekurang-kurangnya 2 tahun. 3. Laksanakan audit pada rekod ladang dan sahkan.	Dokumen: Rekod Ladang dan resit- resit berkaitan
2.1.2	WAJIB UTAMA	Rekod hendaklah boleh diakses dan diaudit oleh pihak berkuasa yang kompeten. Semua rekod ladang hendaklah dianggap sebagai sulit.	Rekod ladang adalah sulit.	Dokumen: Rekod Ladang dan resit- resit berkaitan
2.2		Audit		
2.2.1	WAJIB UTAMA	Audit hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dan didokumenkan.	1. Jalankan audit dalam dan keluaran Laporan Ketidakurusan Audit Dalam dan Tindakan Pembetulan.	Dokumen: Borang Audit Dalam
2.2.2	WAJIB UTAMA	Tindakan pembetulan hendaklah dilaksanakan dan didokumenkan.	1. Bimbing hingga ladang tersebut mematuhi semua keperluan pensijilan. 2. Hantar Laporan Audit Dalam yang telah mematuhi keperluan pensijilan kepada Urusetia. 1. Bimbing hingga ladang tersebut mematuhi semua keperluan pensijilan. 2. Hantar Laporan Tindakan Pembetulan kepada Pegawai Audit	Dokumen: Laporan Ketidakurusan
3		Pemilihan tapak/lokasi		
3.1	WAJIB UTAMA	Pengusaha hendaklah membuktikan bahawa mereka mempunyai hak untuk mengusahakan ladang.	Pastikan pengusaha menyediakan dokumen berkaitan hak milik tanah seperti geran, surat perjanjian dan surat kebenaran.	Dokumen: geran, surat perjanjian dan surat kebenaran
3.2	WAJIB UTAMA	Pemeliharaan lebah/kelulut hendaklah tidak dijalankan di lokasi yang mempunyai sebarang potensi pencemaran dan risiko keselamatan kepada lebah, kelulut, hasil tuaian, orang awam dan alam sekitar.	Pastikan pengusaha mengusahakan pemeliharaan di lokasi yang tidak tercemar dan berisiko Pastikan pengusaha menjalankan pemeliharaan di lokasi yang tidak tercemar dan menyebabkan risiko keselamatan kepada lebah, kelulut, hasil tuaian, orang awam dan alam sekitar.	Ladang: Tiada risiko pencemaran dan keselamatan kepada lebah, kelulut, hasil tuaian, orang awam dan alam sekitar.

NOMBOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
3.3	WAJIB UTAMA	Pengusaha hendaklah mematuhi perundangan alam sekitar yang meliputi perkara mengenai kebersihan udara, air, tanah, biodiversiti dan isu-isu alam sekitar yang lain	Pastikan pengusaha mematuhi perundangan berkaitan kebersihan udara, air, tanah, biodiversiti dan isu-isu alam sekitar yang lain.	Dokumen: Laporan Penilaian Impak Risiko (EIA) jika berkaitan Ladang: Langkah-langkah pemuliharaan tanah di kawasan pemeliharaan lebah/kelulut
3.4	WAJIB BUKAN UTAMA	Pemilihan tapak haruslah bersesuaian dengan spesis dan habitatnya seperti: a) mempunyai sumber makanan seperti manisan, debunga dan air; b) mempunyai sumber bahan binaan sarang seperti resin; c) tiada gangguan perosak; d) tiada tumbuhan yang mendatangkan toksik seperti Ericaceae sp., Rhododendron sp.; dan e) mempunyai teduhan dan cahaya matahari yang mencukupi.	Pastikan pengusaha memilih tapak yang bersesuaian dengan spesis dan habitatnya yang mempunyai sumber makanan seperti manisan, debunga dan air; sumber bahan binaan sarang seperti resin; tiada gangguan perosak; tiada tumbuhan beracun seperti Ericaceae sp, Rhododendron sp dan mempunyai teduhan dan cahaya matahari yang mencukupi.	Ladang: a) mempunyai sumber makanan seperti manisan, debunga dan air; b) mempunyai sumber bahan binaan sarang seperti resin; c) tiada gangguan perosak; d) tiada tumbuhan yang mendatangkan toksik seperti Ericaceae sp., Rhododendron sp.; dan e) mempunyai teduhan dan cahaya matahari yang mencukupi.
4		Pengurusan apiari dan meliponari		
4.1		Haif		
4.1.1	WAJIB UTAMA	Haif hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak mendatangkan risiko pencemaran kepada lebah, kelulut, hasil tuaian dan alam sekitar.	Pastikan pengusaha membuat haif daripada bahan yang tidak mendatangkan risiko pencemaran kepada lebah, kelulut, hasil tuaian dan alam sekitar.	Ladang: Haif mestilah dibuat daripada sumber semulajadi yang tahan lasak dan tidak mudah mereput serta bebas dari bahan kimia.
4.1.2	WAJIB UTAMA	Haif hendaklah tidak diletak secara terus di atas tanah.	Pastikan pengusaha tidak meletak haif terus di atas tanah.	Ladang: Haif perlu dialas contohnya bata, simen, besi, pasu dan lain-lain.
4.2		Pemilihan koloni		
4.2.1	DIGALAKKAN	Koloni haruslah mempunyai makanan yang mencukupi, sesuai dengan habitatnya, kuat, stabil, aktif dan hendaklah bebas daripada perosak.	Pastikan Pengusaha memilih koloni yang kuat, stabil, aktif, bebas perosak, sesuai dengan habitat dan mempunyai makanan yang mencukupi.	Ladang: -Fly In Fly Out (FIFO) lebih 70 ekor/ minit. - Bebas dari kawasan ternakan lembu, kambing, ayam, itik dan lain-lain.
4.2.2	WAJIB UTAMA	Perolehan sumber koloni hendaklah mematuhi perundangan semasa negara atau negeri.	Pastikan pengusaha mematuhi perundangan semasa negara bagi perolehan sumber koloni.	Dokumen: Maklumat Pengimportan
4.3		Pemindahan koloni		
4.3.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Pemindahan koloni daripada kedudukan asal (koloni liar, log kayu, sarang dalam tanah, log yang reput) kepada haif hendaklah dengan memastikan ratu, lebah pekerja dan sel anak dipindahkan bersama ke dalam haif dengan mengambil kira kebajikan koloni seperti suhu ambien dan sumber makanan yang mencukupi semasa memindahkan koloni daripada kedudukan asal.	Nasihatkan pengusaha semasa melakukan pemindahan koloni dengan memastikan ratu, lebah pekerja dan sel anak dipindahkan bersama ke dalam haif dengan mengambil kira kebajikan koloni seperti suhu ambien dan sumber makanan yang mencukupi semasa memindahkan koloni daripada kedudukan asal.	
4.3.2	DIGALAKKAN	Pemindahan koloni juga boleh dibuat bagi menyelamatkan koloni daripada sebarang ancaman	Pastikan pengusaha memindahkan koloni sekiranya terdapat ancaman bagi menyelamatkan koloni. Ancaman adalah seperti banjir, ancaman kekurangan makanan akibat musim kritikal, serangan perosak dan penyakit. Perpindahan adalah dalam tempoh seperti yang ditetapkan (100 hari)	Ladang: -Log/ haif yang rosak/ reput -perosak dan penyakit
4.4		Penggandaan koloni		
4.4.1	DIGALAKKAN	Penggandaan koloni adalah bertujuan untuk mendapatkan koloni yang baharu dengan membahagikan koloni asal.	Pastikan pengusaha membahagikan koloni asal untuk menggandakan koloni.	Dokumen : Rekod Ladang Ladang : Haif

NOMOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
4.4.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Bagi lebah, penggandaan haruslah dilakukan terhadap koloni yang mengandungi sekurang-kurangnya lapan bingkai kom yang dipenuhi telur, anak pelbagai peringkat, debunga dan madu serta bebas daripada perosak.	Pastikan pengusaha memilih koloni yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan bingkai kom yang dipenuhi telur, anak pelbagai peringkat, debunga dan madu serta bebas daripada perosak bagi penggandaan lebah.	
4.4.3	WAJIB BUKAN UTAMA	Manakala bagi kelulut, penggandaan haruslah dilakukan terhadap koloni yang mengandungi sekurang-kurangnya sepuluh lapisan sel eraman.	Pilih koloni yang mengandungi sekurang-kurangnya sepuluh lapisan sel eraman semasa membuat penggandaan	
4.5		Kebajikan lebah/kelulut		
4.5.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Penggunaan asap semasa pengurusan koloni lebah hendaklah diminimumkan dengan menggunakan bahan semulajadi dan selamat.	Pastikan pengusaha minimumkan penggunaan asap dan guna bahan semulajadi dan selamat semasa menguruskan koloni lebah.	Ladang: Bahan semulajadi seperti sabut
4.5.2	DIGALAKAN	Pintu masuk haif/sarang haruslah ditutup semasa pewartapan nyamuk atau kerja-kerja meracun dijalankan untuk mengelakkan kemusnahan koloni.	Pastikan pengusaha menutup pintu masuk haif semasa pewartapan nyamuk atau kerja-kerja meracun untuk mengelakkan kemusnahan koloni.	
4.5.3	DIGALAKAN	Sumber air haruslah disediakan bagi keperluan lebah/kelulut.	Pastikan pengusaha menyediakan sumber air bagi keperluan lebah/ kelulut semasa musim kemarau berpanjangan.	Ladang: Bekas-bekas air yang bersesuaian.
4.5.4	DIGALAKAN	Makanan tambahan haruslah disediakan pada musim kritikal seperti musim hujan atau panas bagi menjamin kelangsungan hidup koloni.	Pastikan pengusaha menyediakan makanan tambahan pada musim kritikal seperti musim hujan atau panas bagi menjamin kelangsungan hidup koloni.	Ladang: Makanan tambahan seperti betik, pisang, tembikai berdekatan haif/log.
4.5.5	DIGALAKAN	Madu dan roti lebah haruslah ditinggalkan sekurang-kurangnya sebanyak 30 % semasa penuaian bagi memastikan kelangsungan hidup koloni.	Pastikan pengusaha meninggalkan madu dan roti lebah (bee bread) sekurang-kurangnya sebanyak 30 % semasa penuaian bagi memastikan kelangsungan hidup koloni.	Ladang: Haif
4.5.6	WAJIB BUKAN UTAMA	Ratu lebah/kelulut hendaklah tidak disentuh atau dcederakan.	Pastikan pengusaha tidak menyentuh atau cederakan ratu.	Ladang: Ratu Lebah/ Kelulut
4.5.7	DIGALAKAN	Permainan beradas bagi lebah adalah dibenarkan.	Memantau pengusaha ada atau tidak menjalankan permainan beradas.	
4.5.8	DIGALAKAN	Pemeriksaan secara berkala haruslah dijalankan di setiap haif/sarang bagi memastikan tiada ancaman perosak dan koloni mempunyai makanan yang mencukupi.	Pastikan samada pengusaha menjalankan pemeriksaan berkala pada setiap haif bagi memastikan tiada ancaman perosak dan koloni mempunyai makanan yang mencukupi.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Haif
4.6		Pengurusan perosak		
4.6.1	WAJIB UTAMA	Pengurusan perosak hendaklah dilakukan melalui pengurusan mekanikal dan biologi. Sekiranya langkah-langkah pencegahan gagal, pengusaha haruslah mendapatkan nasihat daripada pihak yang kompeten.	Pastikan pengusaha menjalankan kaedah biologi atau mekanikal dalam membuat kawalan perosak.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Haif
4.6.2	DIGALAKAN	Amalan pemusnahan lebah jantan hanya dibenarkan untuk membendung serangan hama yang menyebabkan penyakit <i>varroosis</i> .	Pastikan pengusaha memusnahkan lebah jantan untuk membendung serangan hama yang menyebabkan penyakit <i>varroosis</i> .	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Haif
4.6.3	WAJIB UTAMA	Pengawasan perosak hendaklah dilakukan secara berkala dan direkodkan.	Pastikan pengusaha merekodkan aktiviti pengawasan perosak secara berkala.	Dokumen: Rekod Ladang
4.7		Pemindahan lokasi dan pengangkutan		
4.7.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Langkah-langkah keselamatan semasa pemindahan lokasi dan pengangkutan hendaklah diambil kira bagi memastikan keselamatan koloni, pekerja, orang awam dan alam sekitar.	Pastikan pengusaha membuat langkah keselamatan bagi memastikan keselamatan koloni, pekerja, orang awam dan alam sekitar semasa pemindahan koloni.	Dokumen: Rekod Ladang

NOMBOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
4.7.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Pemindahan lokasi koloni hendaklah mengambil kira kebajikan koloni seperti pengudaraan, suhu dan tempoh perjalanan.	Pastikan pengusaha memastikan pengudaraan, suhu dan tempoh perjalanan diambil kira semasa pemindahan koloni.	Dokumen: Rekod Ladang
4.7.3	DIGALAKAN	Pengangkutan hasil tuaian haruslah mempunyai sistem kawalan suhu bagi menjamin kualiti produk.	Pastikan pengusaha menggunakan pengangkutan yang mempunyai sistem kawalan suhu (<40°C) bagi menjamin kualiti hasil tuaian.	
4.8		Pengurusan sisa		
4.8.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Ladang hendaklah bersih daripada semua jenis sisa bagi mengelakkannya menjadi tempat pembiakan perosak.	Pastikan pengusaha membersihkan ladang daripada semua jenis sisa bagi mengelakkannya menjadi tempat pembiakan perosak.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Tempat Pengumpulan Sisa
4.8.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Sisa hendaklah dikenal pasti bagi program kitar semula atau pelupusan.	Pastikan pengusaha mengenalpasti sisa bagi program kitar semula atau pelupusan.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Tempat Pengumpulan Sisa
4.8.3	WAJIB UTAMA	Pembuangan sisa secara pembakaran hendaklah dielakkan.	Pastikan pengusaha mengelakkan pembakaran sisa buangan.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Tempat Pelupusan Sisa
4.8.4	WAJIB BUKAN UTAMA	Pengurusan sisa hendaklah direkodkan.	Pastikan pengusaha merekod pengurusan sisa.	Dokumen: Rekod Ladang
5		Penuaian		
5.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Penuaian hendaklah dilakukan pada musim yang telah dikenal pasti dan tidak dilakukan semasa musim hujan dan panas yang berpanjangan bagi menjamin kelangsungan koloni.	Pastikan pengusaha mengelakkan penuaian pada musim kemarau dan hujan bagi menjamin kelangsungan koloni.	
5.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Penuaian hendaklah dilakukan di lokasi dan persekitaran yang bersih serta meminimumkan sebarang gangguan dan pencemaran.	Pastikan pengusaha membuat penuaian di lokasi dan persekitaran yang bersih serta meminimumkan sebarang gangguan dan pencemaran.	
5.3	WAJIB BUKAN UTAMA	Penuaian madu lebah hendaklah dilakukan apabila 90 % daripada kom madu setiap bingkai madu tertutup.	Pastikan pengusaha melakukan penuaian apabila 90 % daripada kom madu setiap bingkai madu tertutup.	
5.4	WAJIB BUKAN UTAMA	Penuaian madu kelulut dan roti lebah bagi kelulut hendaklah daripada kantung yang tertutup sahaja.	Pastikan pengusaha menuai madu kelulut dan roti lebah daripada kantung yang tertutup sahaja.	
5.5	WAJIB UTAMA	Semua peralatan dan bekas penuaian hendaklah dalam keadaan yang bersih, tahan asid dan diselenggara dengan baik.	Pastikan pengusaha memastikan semua peralatan dan bekas penuaian dalam keadaan yang bersih, tahan asid dan diselenggara dengan baik.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: -Alatan penuaian -Bekas simpanan yang tidak terhakis
5.6	WAJIB UTAMA	Kaedah penuaian secara pemusnahan lebah/kelulut dan sarangnya hendaklah dilarang.	Pastikan pengusaha tidak menggunakan kaedah pemusnahan lebah/ kelulut semasa penuaian.	
5.7	WAJIB UTAMA	Aktiviti penuaian hendaklah direkodkan seperti: a) nama penuai; b) jenis spesies; c) tarikh tuaian; d) bilangan koloni; dan e) kuantiti hasil tuaian.	Pastikan pengusaha merekodkan aktiviti penuaian seperti nama penuai; jenis spesies; tarikh tuaian, bilangan koloni dan kuantiti hasil tuaian.	Dokumen: Rekod Ladang

NOMOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
6		Pasca tuai		
6.1	WAJIB UTAMA	Suhu hasil tuaian dan persekitaran hendaklah dikekalkan tidak melebihi 40 °C kecuali <i>Royal Jelly</i> pada suhu 2°C hingga 6°C .	Pastikan pengusaha mengekalkan suhu hasil tuaian dan persekitaran tidak melebihi 40°C kecuali <i>Royal Jelly</i> pada suhu 2°C hingga 6°C semasa penuaian.	
6.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Madu hendaklah ditapis sebelum dimasukkan ke dalam bekas yang bersih, tahan asid dan menepati piawai penyimpanan makanan.	Pastikan pengusaha menapis madu sebelum dimasukkan ke dalam bekas yang bersih, tahan asid dan menepati piawai penyimpanan makanan.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Peralatan
6.3	DIGALAKKAN	Kantung roti lebah kelulut dan sel roti lebah haruslah digunting dan dipisahkan daripada sarang semasa menuai dan disimpan di dalam peti sejuk beku pada suhu -18°C sehingga diproses.	Pastikan pengusaha menggunting dan memisahkan kantung roti lebah kelulut dan sel roti daripada sarang semasa menuai dan disimpan di dalam peti sejuk beku pada suhu -18°C sehingga diproses.	
6.4	WAJIB BUKAN UTAMA	Roti lebah hendaklah dipisahkan daripada kantung dan didehidrasi sebelum dibungkus dan dilabelkan.	Pastikan pengusaha memisahkan Roti lebah daripada kantung dan didehidrasi sebelum dibungkus dan dilabelkan.	Ladang: Kantung dan sel roti
6.5	DIGALAKKAN	Madu yang disimpan haruslah didehidrasi bagi menjamin kualiti.	Pastikan pengusaha menghidrat madu sebelum disimpan bagi menjamin kualiti (kandungan air sehingga 20%). Sekiranya tidak dihidratkan, madu tersebut hendaklah disimpan didalam peti sejuk.	Ladang: Peralatan didehidrasi - Peti Sejuk/Mesin Didehidrasi
6.6	WAJIB BUKAN UTAMA	Propolis hendaklah dibersihkan daripada roti lebah (bee bread) dan disimpan di dalam peti sejuk pada suhu 0°C hingga 4°C sebelum diproses. Suhu semasa pemprosesan propolis bagi mengeluarkan lilinnya haruslah tidak melebihi 70°C.	Pastikan pengusaha membersihkan propolis daripada roti lebah (bee bread) dan simpan dalam peti sejuk pada suhu 0°C hingga 4°C sebelum diproses. Pastikan suhu semasa pemprosesan propolis tidak melebihi 70°C bagi mengeluarkan lilinnya.	Ladang: Tempat pengumpulan hasil
6.7	WAJIB BUKAN UTAMA	Royal Jelly hendaklah disimpan pada suhu 2°C hingga 6°C selepas dituai.	Pastikan pengusaha menyimpan Royal Jelly pada suhu 2°C hingga 6°C .	
6.8	DIGALAKKAN	Pengumpulan debunga bagi lebah hanya dilakukan pada musim bunga dan jangka masa pengumpulan hendaklah tidak melebihi 2 jam sehari.	Pastikan pengusaha mengumpul debunga pada musim bunga dan tidak melebihi 2 jam sehari.	
6.9	WAJIB BUKAN UTAMA	Semua peralatan, bekas penyimpanan hasil tuaian dan kemudahan pengendalian hendaklah dibersihkan dan disimpan di tempat yang bersih sebelum dan selepas digunakan bagi mencegah sebarang kontaminasi	Pastikan pengusaha membersihkan semua peralatan bekas penyimpanan hasil tuaian dan kemudahan pengendalian dan disimpan di tempat yang bersih sebelum dan selepas digunakan bagi mencegah sebarang kontaminasi.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Tempat penyimpanan
6.10	WAJIB UTAMA	Aktiviti pasca tuai hendaklah direkodkan seperti: a) nama pengendali; b) tarikh pemprosesan; c) kaedah pemprosesan; d) suhu; dan e) inventori hasil tuaian.	Pastikan pengusaha merekodkan aktiviti pasca tuai seperti nama pengendali; tarikh pemprosesan; kaedah pemprosesan; suhu dan inventori hasil tuaian.	Dokumen: Rekod Ladang
6.11	WAJIB UTAMA	Hasil tuaian hendaklah disimpan di dalam bekas yang bersih dan bertutup, tahan asid dan menepati piawai penyimpanan makanan dan dilabelkan	Pastikan pengusaha menyimpan hasil tuaian di dalam bekas yang tahan asid bersih dan bertutup serta menepati piawai penyimpanan makanan dan dilabelkan.	Ladang: Tempat Penyimpanan
7		Pemprosesan		
7.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Pemprosesan hendaklah dilakukan di dalam persekitaran yang bersih untuk mencegah sebarang kontaminasi terhadap hasil tuaian	Pastikan pengusaha melakukan pemprosesan di dalam persekitaran yang bersih untuk mencegah sebarang kontaminasi terhadap hasil tuaian.	Ladang: Tempat Pemprosesan

NOMBOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
7.2	DIGALAKAN	Premis pemprosesan haruslah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang kompeten	Pastikan pengusaha mematuhi garis panduan premis pemprosesan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang kompeten.	
7.3	WAJIB BUKAN UTAMA	Madu dan roti lebah hendaklah didehidrasi pada suhu tidak melebihi 40°C. Kandungan air bagi madu lebah hendaklah tidak melebihi 20 % manakala bagi madu kelulut, kandungan air hendaklah tidak melebihi 22%.	Pastikan pengusaha menghidratkan madu dan roti lebah pada suhu tidak melebihi 40°C. Pastikan kandungan air bagi madu lebah tidak melebihi 20 % manakala bagi madu kelulut tidak melebihi 22%.	
		Pembungkusan		
8	WAJIB UTAMA	Hasil tuaian yang ingin dipasarkan hendaklah dibungkus di dalam bekas yang bersih, tahan asid, menepati piawai pembungkusan makanan dan dilabel mengikut peraturan pelabelan seperti yang terkandung di dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985	Pastikan pengusaha mengisi hasil tuaian di dalam bekas yang tahan asid, bersih dan menepati piawai pembungkusan makanan dan dilabel mengikut peraturan pelabelan seperti yang terkandung di dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.	Ladang: Tempat pemprosesan
9		Penyimpanan		
9.1	WAJIB UTAMA	Hasil tuaian hendaklah disimpan di dalam bekas yang bersih dan bertutup, tahan asid dan menepati piawai penyimpanan makanan	Pastikan pengusaha menyimpan hasil tuaian di dalam bekas yang tahan asid bersih dan bertutup serta menepati piawaian penyimpanan makanan.	Ladang; 1. Menyediakan tempat penyimpanan bertutup, bersih, mempunyai pengudaraan yang baik, dan mempunyai kawalan perosak. 2. Pastikan tempat penyimpanan tidak melebihi suhu bilik (30°C) bagi menjamin kualiti madu. 3. Hasil tuaian hendaklah disimpan di dalam bekas tahan asid, bersih, bertutup dan dilabel. 4. Bekas berisi hasil tuaian hendaklah tidak diletak secara terus di atas tanah/lantai bagi menjamin kebersihan
9.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Bekas berisi hasil tuaian hendaklah tidak diletak secara terus di atas tanah/lantai bagi menjamin kebersihan	Pastikan pengusaha tidak meletakkan bekas berisi hasil tuaian terus di atas tanah/ lantai bagi menjamin kebersihan.	Ladang: Tempat Penuaian atau penyimpanan
9.3	WAJIB BUKAN UTAMA	Pengawasan perosak yang mencukupi dan bersesuaian hendaklah dilaksanakan di kawasan pengendalian dan penyimpanan bahan pembungkusan.	Pastikan pengusaha membuat kawalan perosak di kawasan pengendalian dan penyimpanan bahan pembungkusan.	Ladang: Tempat pengendalian dan penyimpanan
10		Analisis		
10.1	WAJIB UTAMA	Analisis bagi menentukan kandungan logam berat, sisa baki racun dan ubatan veterinar pada hasil tuaian hendaklah dijalankan dan mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.	Pastikan pengusaha menjalankan analisis bagi menentukan kandungan logam berat, sisa baki racun dan/atau ubatan veterinar pada hasil tuaian jika diragui.	Dokumen: Keputusan analisis
10.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Jika terdapat keraguan keatas kualiti madu, analisis bagi menentukan ketulenan (spesifikasi) madu hendaklah dijalankan dan mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, dan MS 2683.	Pastikan pengusaha menjalankan analisis bagi menentukan ketulenan (spesifikasi) madu jika diragui.	Dokumen: Keputusan analisis
11		Kebajikan pekerja		
11.1	WAJIB BUKAN UTAMA	Pelantikan pekerja hendaklah mematuhi perundangan semasa negara	Pastikan pengusaha mematuhi perundangan semasa negara bagi pengambilan pekerja.	Dokumen: Dokumen pengambilan pekerja
11.2	WAJIB BUKAN UTAMA	Rekod latihan untuk setiap pekerja hendaklah disimpan.	Pastikan pengusaha merekod dan menyimpan aktiviti latihan untuk setiap pekerja.	Dokumen: Rekod Ladang

NOMOR ELEMEN	TAHAP	ELEMEN	PELAN TINDAKAN PEMBIMBING	BUKTI
11.3	WAJIB BUKAN UTAMA	Pekerja hendaklah dalam keadaan sihat dan bersih.	Pastikan pengusaha memastikan pekerja dalam keadaan sihat dan bersih serta tiada penyakit berjangkit	Dokumen: Rekod Ladang
11.4	WAJIB BUKAN UTAMA	Pekerja hendaklah diberi latihan dalam mengendalikan proses penyelenggaraan, penuaian dan pengendalian alatan yang berbahaya bagi menjamin kualiti hasil tuaian yang selamat dan berkualiti	Pastikan pengusaha melatih pekerja dalam mengendalikan proses penyelenggaraan, penuaian dan pengendalian alatan yang berbahaya bagi menjamin kualiti hasil tuaian yang selamat dan berkualiti.	Dokumen: Rekod Ladang
11.5	WAJIB UTAMA	Pekerja hendaklah memakai pakaian pelindung diri yang sesuai seperti pelindung muka, sarung tangan atau suit yang lengkap semasa proses penuaian	Pastikan pengusaha memastikan pekerja memakai pakaian pelindung diri yang sesuai seperti pelindung muka, sarung tangan atau suit yang lengkap semasa proses penuaian.	Dokumen: Rekod Ladang Ladang: Tempat Penyimpanan
11.6	WAJIB UTAMA	Peti pertolongan cemas hendaklah disediakan di tempat yang kekal di ladang	Pastikan pengusaha menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap di tempat yang sesuai dan kekal di ladang.	Ladang: Peti Pertolongan Cemas
11.7	WAJIB UTAMA	Tanda amaran hendaklah diletakkan di kawasan berbahaya yang telah dikenal pasti	Pastikan pengusaha meletak tanda amaran di kawasan berbahaya yang telah dikenal pasti.	Ladang: Papan Tanda Amaran
11.8	WAJIB BUKAN UTAMA	Prosedur untuk menangani kemalangan dan kecemasan hendaklah disediakan dengan arahan yang jelas, dalam bahasa yang boleh difahami oleh pekerja dan dipamerkan	Pastikan pengusaha menyediakan dan mempamerkan prosedur bagi menangani kemalangan dan kecemasan dengan arahan yang jelas, dalam bahasa yang boleh difahami.	Dokumen: Prosedur Kecemasan
11.9	DIGALAKKAN	Pelan tindakan untuk keselamatan dan keselesaan di tempat kerja haruslah disediakan.	Pastikan pengusaha menyediakan pelan tindakan untuk keselamatan dan keselesaan di tempat kerja.	Dokumen: Pelan Tindakan
11.10	DIGALAKKAN	Jika tempat tinggal disediakan di ladang, ia hendaklah selesa dan selamat didiami serta dilengkapi dengan kemudahan dan keperluan asas	Pastikan pengusaha memastikan tempat tinggal yang disediakan di ladang selesa dan selamat didiami serta dilengkapi dengan kemudahan dan keperluan asas.	Ladang: Rumah Pekerja
		Pengurusan alam sekitar dan biodiversiti		
12	WAJIB UTAMA	Pembukaan dan pencerobohan Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau kawasan warisan budaya untuk pemeliharaan dan pembiakan lebah/kelulut adalah dilarang.	Pastikan pengusaha tidak membuka dan menceroboh Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau kawasan warisan budaya untuk pemeliharaan dan pembiakan lebah/kelulut.	Dokumen : Peta myGAP.AM kawasan dipohon
13		Prosedur Penarikbalikan		
13.1	WAJIB UTAMA	Pengusaha hendaklah mewujudkan prosedur penarikbalikan hasil lebah/kelulut yang telah disijilkan di pasaran	Bimbing dan pastikan pengusaha untuk mewujudkan prosedur penarikbalikan hasil lebah/ kelulut yang telah disijilkan di pasaran jika berlaku kes-kes yang melibatkan keselamatan makanan.	Dokumen: Prosedur penarikbalikan hasil lebah/ kelulut.
13.2	DIGALAKKAN	Jika hasil berpotensi atau dikenalpasti tercemar (kontaminasi), ianya perlu diasing dan jualan dihentikan. Jika telah dijual, pembeli atau orang tengah perlu dimaklumkan segera.	Pastikan pengusaha: 1.Mengasing dan menghentikan jualan jika hasil berpotensi atau dikenalpasti tercemar (kontaminasi). 2.Memaklumkan kepada pembeli atau orang tengah sekiranya hasil telah dijual.	Dokumen: 1. Rekod Ladang 2. Notifikasi
13.3	DIGALAKKAN	Sebarang punca kontaminasi perlu diasiat, diambil tindakan pembetulan dan direkod bagi mengelakkan kejadian berulang.	Pastikan pengusaha menyiasat sebarang punca kontaminasi, ambil tindakan pembetulan dan rekodkan.	Dokumen: Laporan siasatan dan pembetulan